

**Pemuda Gerakan Mahu Calon Pilihan Raya Yang Benar-benar Sihat  
Bernama  
August 05, 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Kemahiran memimpin serta popular mungkin tidak cukup bagi membolehkan anggota Pemuda Parti Gerakan dipilih sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang kerana mereka juga perlu memiliki kesihatan yang memuaskan, kata ketuanya Lim Si Pin.

Beliau berkata ketiga-tiga kriteria itu perlu dipenuhi sebelum seseorang layak dipertimbangkan sebagai calon, selain bebas daripada sebarang rekod jenayah dan petisyen kebangkrapan.

"Sebelum sesuatu nama dicadangkan kepada kepimpinan parti, mereka akan ditapis berdasarkan tiga kriteria ini, dan wakil yang terpilih nanti perlu benar-benar sihat kerana kami tidak mahu pilihan raya kecil diadakan berikutan kematian ketika bertugas," katanya kepada pemberita Jumaat.

Lim juga berharap kepimpinan parti itu akan menimbang meletakkan lebih ramai calon di kalangan generasi muda pada pilihan raya umum akan datang.

"Kami berharap 40 hingga 45 peratus calon terdiri daripada golongan muda, tidak kira lelaki atau wanita. Kami juga berharap tidak ada calon 'bidan terjun'," katanya yang menambah sayap itu juga menganjurkan dua kursus politik kepada 45 anggotanya pada April dan Julai, manakala satu lagi sesi dijadualkan Oktober ini.

Dalam perkembangan lain, Lim berkata beliau tidak mahu menjadi calon pada pilihan raya umum nanti, sebaliknya akan membantu di belakang tabir.

"Saya tidak akan bertanding. Tugas saya ialah memfokus kepada melatih lebih ramai pemimpin muda," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=606277>